

siaran akhbar

EMBARGO: Tidak

PEN.6/76/138(PM)

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

disiarkan
sebelum
jam

9.30 pagi,
19.6.1976

UCAPAN YAB DATUK HUSSEIN ONN, PERDANA
MENTERI DI UPACARA PENERIMAAN IJAZAH
KEHORMAT DOKTOR UNDANG-UNDANG DI MAJLIS
KONVOKESYEN KE 4 UNIVERSITI KEBANGSAAN
MALAYSIA DI BANGUNAN PARLIMEN, KUALA
LUMPUR, PADA HARI SABTU, 19HB JUN, 1976
JAM 9.00 PAGI

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor dan
Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tunku Ampuan
Negeri Sembilan,

Yang Mulia Pro-Canselor-Pro-Canselor,

Yang Berbahagia Naib Canselor,

Saudara-saudara sekalian,

Dalam menjalani liku-liku hidup, kita mengalami berbagai peristiwa - suka, duka dan bahagia. Pada saat dan ketika ini, kita sama-sama berkumpul dalam majlis yang penuh erti dan akan kekal dalam kenangan kita. Kepada saya, saat ini mempunyai makna dan kesan yang mendalam kerana Universiti Kebangsaan Malaysia, di mana saya berpeluang memberikan sedikit sebanyak sumbangan, telah berkenan menganugerahkan kepada saya Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang.


2. Bercakap atas nama diri saya sendiri dan juga bagi pihak Professor Achmad Amiruddin, kami dapat merasakan bagaimana tingginya penghormatan yang diberikan kepada kami oleh Universiti ini. Dan, sebagai manusia biasa, kami menerima penghormatan ini dengan perasaan terharu. Izinkanlah kami menyampaikan setinggi-tinggi terimakasih kepada Majlis Universiti Kebangsaan Malaysia di atas penganugerahan ini.

Saudara sekalian,

3. Sempena peristiwa ini, saya sukalah menyarankan suatu minat yang terpendam dalam hati saya supaya apa jua khidmat dan jasa pemimpin kita dahulu, dapat terus dikekalkan sehingga ke beberapa zaman yang akan datang.

4. Saya menyuarakan hal ini dengan harapan agar kaum pelajar yang keluar dari Universiti atau Pusat Pengajian Tinggi di negara kita turut bersama memelopori cita-cita suci supaya matlamat Kerajaan mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang kukuh dan bersatupadu dapat dicapai dengan segera.

5. Seringkali dinyatakan bahawa tanpa keamanan dan keselamatan, tanpa persefahaman dan perpaduan, kemajuan yang kita perolehi setakat ini dalam semua aspek tidak bererti sama sekali. Pada hemat saya, faktor terpenting bagi mencapai matlamat negara ialah perpaduan negara atau 'national unity' yang telahpun subur sejak rakyat semua kaum bangun menentang Malayan Union dan kemudiannya menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu dan akhirnya memperjuangkan kemerdekaan.
 6. Aspek ini penting difahami, kerana saya percaya, golongan pelajar yang keluar dari Pusat Pengajian Tinggi beberapa tahun ini, masih lagi dalam pangkuan ibu, semasa kebangkitan nasional bermula untuk membebaskan negara kita dari belenggu penjajah. Satu hakikat yang penting diketahui ialah persefahaman, sokongan dan kerjasama oleh segenap lapisan masyarakat di masa itu memaksa Penjajah tunduk dan memenuhi cita-cita rakyat yang meluap itu dengan memberikan kemerdekaan penuh.
 7. Hasil galakan, sokongan dan semangat persefahaman antara kaum itulah mendorong pemimpin menyusun, dalam masa yang terdesak, satu Perlembagaan yang lengkap mengandungi hak asasi Raja-Raja Melayu, Kerajaan Negeri, Kewarganegaraan, Bahasa, Ugama, Kebudayaan dan hak keistimewaan orang Melayu, yang menjadi asas panduan kepada rakyat di masa kini dan akan datang, demi kepentingan perpaduan bangsa dan negara.
 8. Berkat pandangan jauh pemimpin itulah negara kita telah bergerak maju, tahun demi tahun, ke arah matlamat yang lebih tinggi. Berkat perpaduan dan persefahaman rakyat berbilang kaum serta semangat tolak ansur semua pihak, kita telah dapat mencapai kejayaan politik yang lebih tinggi, termasuklah menamatkan darurat.
 9. Kekuatan perpaduan rakyat di masa itu telah melemahkan semangat pengganas Komunis kerana dengan tercapainya kemerdekaan, matlamat perjuangan mereka yang kononnya membela rakyat, telah menjadi sia-sia. Tamatnya darurat membolehkan perbelanjaan yang digunakan bagi menentang kegiatan pengganas Komunis itu disalurkan untuk pembangunan negara. Dari saat itu, bermulalah rancangan pembangunan yang tersusun dan motivated.
- Saudara sekalian,
10. Sesungguhnya, kita harus bersyukur ke hadzrat Allah yang telah memberikan taufik dan hidayah kepada Allahyarham ayahanda saya,



siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia Datuk Onn, yang mula-mula menggembeling tenaga kesedaran orang

Melayu dan kemudian Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman sebagai Bapak Kemerdekaan dan seterusnya Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai Bapak Pembangunan yang telah mencurahkan segala usaha dan tenaga untuk perpaduan rakyat.

11. Pada hemat saya, disebabkan oleh perlumbaan hidup, rakyat ramai tidak begitu menekankan semangat perpaduan dan persefahaman yang telah disemaikan itu. Aspek inilah yang sangat penting kerana survival kita, kestabilan negara kita di masa depan bergantung kepada kemampuan kita mengekalkan perpaduan negara ini, dengan kukuh dan padu.

Saudara sekalian,

12. Rancangan Malaysia Pertama dilancarkan sebagai sambungan kepada rancangan pembangunan yang terdahulu darinya, meneruskan usaha bagi membaiki keadaan hidup rakyat dalam semua aspek. Dalam melaksanakan Rancangan ini, rakyat telah meringankan sikap terhadap perpaduan negara dan secara kebetulan perkembangan politik telah mula diserap oleh gejala-gejala seperti anti-nasional, perkauman dan faham kebendaan. Keadaan ini telah meluas akibat kegiatan politik parti-parti yang menggunakan sentimen perkauman, yang berhajat merebut pentadbiran negara dari Parti Perikatan.

13. Kegiatan parti tersebut telah sedikit sebanyak mempengaruhi rakyat bandar dalam pilihanraya tahun 1969, dengan menggunakan issue yang menyentuh kedudukan Raja-Raja, hak keistimewaan orang Melayu, kewarganegaraan dan lain-lain issue sensitif, pada hal issue tersebut telahpun dipersetujui oleh pemimpin rakyat semua kaum semasa memperjuangkan kemerdekaan negara dahulu.

14. Akibat sentimen perkauman yang melebihi batas itulah maka meletusnya peristiwa 13 Mei, yang menggoncangkan asas perpaduan rakyat dan keutuhan negara kita.

15. Syukurlah dengan kebijaksanaan dan pimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak, langkah tegas telah diambil untuk mengukuhkan semula asas-asas perpaduan negara yang telah terjejas itu bagi benar-benar menjamin kesetabilan dan keharmonian rakyat dan negara.

Saudara sekalian,

16. Berkat muafakat dan kerjasama pemimpin nasional serta persefahaman dan kesedaran rakyat seluruhnya, kita memasuki

peringkat baru dalam perubahan politik dengan penubuhan Barisan Nasional yang menggabungkan sembilan parti politik. Inilah kejayaan yang besar dalam perpaduan negara, menerusi bidang politik. Dengan ini, persaingan kegiatan politik telah dapat dikurangkan dan membolehkan Kerajaan memberi tumpuan yang lebih besar terhadap pembangunan negara.

17. Di samping mengadakan undang-undang mencegah rakyat membangkitkan issue-issue sensitif, yang boleh memecah-belahkan perpaduan, perancangan pembangunan ditujukan ke arah merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, iaitu faktor penting menjamin perpaduan negara yang berkekalan. Sejajar dengan ini, satu konsep Dasar Ekonomi Baru telah dilahirkan yang merupakan serampang dua mata, untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat semua kaum serta menyusun semua masyarakat di negara ini. Di bawah dasar ini, seluruh jentera Kerajaan bergerak ke arah perpaduan menerusi dasar pelajaran kebangsaan, menerusi Bahasa Malaysia, menerusi dasar kebudayaan kebangsaan, penglibatan tenaga belia, badan-badan sukarela, tenaga pasukan keselamatan dan lain-lain.

Saudara sekalian,

18. Rancangan Malaysia Ketiga akan menyambung usaha meneruskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dengan menitik-beratkan bidang pertanian yang memberi faedah secara langsung kepada rakyat.

19. Kerajaan telah menggubal satu falsafah negara iaitu Rukunegara, yang meliputi kehendak kebendaan dan rohaniah rakyat. Rukunegara sebagai Piagam Rakyat akan menentukan haluan masyarakat Malaysia di masa akan datang. Saya percaya, masyarakat baru seperti yang digambarkan dalam Rukunegara iaitu mewujudkan satu masyarakat moden dan progresif, bukan hanya diterima tetapi menjadi inspirasi setiap rakyat berusaha mencapainya.

20. Sejak peristiwa 13 Mei, setiap langkah yang dijalankan oleh Kerajaan ditujukan ke arah matlamat perpaduan negara. Saya harap semua peringkat --- kaum pelajar, pihak swasta, kakitangan Kerajaan, anggota Polis dan Tentera serta lain-lain patut sedar akan tanggungjawab masing-masing bagi mewujudkan perpaduan negara yang tulin.

Saudara sekalian,

21. Dalam hubungan ini, kita patut bersama-sama menentukan sikap dan peranan kita melaksanakan perpaduan negara. Pada hemat saya, dalam keadaan negara dan masyarakat yang menghadapi berbagai cabaran, dan tidak kurang pentingnya memperkukuh ketahanan negara dari ancaman Komunis, amatlah mustahak kita mempunyai nilai-nilai hidup yang tinggi dalam kehidupan sehari-hari. Sekiranya kita hanya mementingkan diri mengikut hawa nafsu tanpa menghiraukan kepentingan umum dan muslihat negara, maka landasan yang menjadi tiang masyarakat kita mudah diracuni dan akhirnya dirobuhkan oleh musuh-musuh negara. Kita melawan musuh, bukan hanya dengan senjata atau kekuatan tenaga, tetapi dengan budi pekerti, keperibadian dan dengan nilai-nilai hidup kita sendiri yang sejati.

22. Setiap kali kita dikalahkan oleh nafsu, dan melakukan sesuatu untuk kebesaran atau kepentingan diri, berertilah kita tidak dapat mengatasi cabaran hidup, khasnya dalam persaingan menentang satu ideologi asing, iaitu faham komunis, yang melakukan peperangan secara total, terhadap negara kita. Apatah lagi, sebagai pemimpin, dalam apa bidang sekalipun, kita mestilah berusaha mempertingkatkan taraf keperibadian kita.

23. Kita patut bercermat, supaya tidak timbul antara kita dan rakyat jurang yang memisahkan bukan sahaja dari segi penghidupan tetapi juga dari segi pandangan hidup, nilai dan budi. Pimpinan yang kita berikan kepada rakyat, bukan semata-mata dengan kata-kata sahaja, tetapi hendaklah dengan per uatan dan amalan. Inilah yang mesti menjadi pegangan kita, sebagai pemimpin, sebagai ketua, sebagai kumpulan masyarakat yang mahu membela rakyat.

24. Demikian juga, masyarakat kita sedang melalui satu proses perubahan yang berbagai bentuk. Ada diantaranya yang kita tidak sedari. Setengahnya jelas dan ada pula yang tidak begitu jelas. Tetapi setiap hari keadaan berubah dan berkembang, akibat tekanan pengaruh dari berbagai jurusan itu. Kita hendaklah membentuk kehidupan kita dan kehidupan rakyat atas landasan yang kukuh, supaya tidak lari dari pegangan dan pedoman hidup kita.



siaran akhbar

25. Kalau hidup kita tidak berjejak di bumi nyata, dan membiarkan

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

demi kita di mana oleh pengaruh nafsu, oleh nilai-nilai hidup asing, terkeluar dari adat resam dan ugama kita, kehidupan kita akan terumbang ambing dengan tidak mempunyai arah dan panduannya. Dalam menunaikan kewajipan dan tugas kita terhadap masyarakat, kita hendaklah meletakkan kepentingan negara di atas segala-galanya.

26. Semakin tinggi kedudukan kita, semakin berat tanggungjawab itu. Dan semakin penting pula pegangan hidup yang kukuh itu menerangi jalan yang akan kita tempuh. Wujudnya pimpinan ialah atas pengakuan rakyat; atas kepercayaan rakyat, yang meletakkan kita pada tempat yang tinggi, sebagai amanah bagi membela kehidupan mereka itu. Pimpinan yang baik dan wajar, ialah pimpinan yang akan membawa kita menyelesaikan masalah dan mengatasi cabaran hidup yang sentiasa kita hadapi.

27. Keadaan sekarang yang lebih kompleks jauh berbedza dari beberapa tahun yang lalu. Perkembangan berubah cepat, kadangkala terlalu cepat. Cara menyelesaikan masalah dulu dan sekarang tidak sama. Nilai-nilai yang berguna pada masa dulu, mungkin tidak sesuai lagi sekarang. Kita mestilah menghadapi sebarang cabaran hidup kita dengan sikap tegas dan tidak bersikap sambil lewa kerana survival kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, adalah menjadi tugas utama yang kita perjuangkan sekarang.

28. Negara dan sistem hidup kita sekarang menjadi matlamat utama Komunis. Cabaran dan ancaman itu mestilah dihadapi dan ditentang dengan segenap tenaga dan kemampuan kita. Dalam perjuangan ini, tidak ada golongan yang tidak berguna. Setiap orang ada peranannya. Tidak ada orang yang tidak diperlukan sumbangannya ke arah mempertahankan sistem hidup kita. Kita memerlukan tenaga yang mempunyai sosial disiplin yang tinggi, budi pekerti yang luhur, rasa tanggungjawab yang besar, rakyat yang committed kepada kewajipan mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negaranya. Kita menghadapi musuh yang bertekad bulat mencapai niat jahatnya dengan kekerasan dan menghancurkan masyarakat kita, merombanya dan menggantikannya dengan satu sistem hidup yang asing sama sekali.

29. Kepada musuh seperti ini, kita tidak boleh berkompromi. Kita mestilah memperkukuh diri dengan mempertinggi nilai hidup memperkuat disiplin kerana perjuangan ini ialah perjuangan

dalam semua aspek bidang hidup, bukan sahaja di hutan belantara, atau di tengah kota atau di desa, tetapi juga dalam diri kita sendiri.

Saudara-saudara sekalian,

30. Saya telah menggariskan detik dan peristiwa sejarah, masaalah dan tugas kita. Oleh itu, wajarlah supaya tugas dan tanggungjawab setiap rakyat -- murid dan pelajar, kaum belia, orang dewasa, bahkan semua golongan, semua kaum, mempunyai persefahaman, tolerance, kesabaran, semangat kerjasama, kepatuhan, taat setia bagi mengukuhkan perpaduan negara.

31. Keyakinan dan kepercayaan saya adalah terletak kepada kekuatan dan kemampuan kita mencapai perpaduan negara itu, Marilah kita bersama-sama berusaha dan menuju ke arah pencapaian tujuan itu.

Saudara sekalian,

32. Akhirnya, saya suka mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada siswazah-siswazah yang menerima ijazah mereka pada tahun ini. Saya harap mereka ini, yang akan memulakan babak baru dalam penghidupan mereka, akan dapat memainkan peranan penting bukan sahaja dalam menyumbang tenaga dan fikiran dalam pembangunan masyarakat dan negara, bahkan yang lebih penting ialah memenuhi hasrat **yang** saya huraikan tadi.

33. Saya juga mendoakan agar ~~Universiti~~ Kebangsaan Malaysia akan **terus** berjaya dalam segala usaha dan cita-cita sucinya.

Terimakasih.

KUALA LUMPUR,
18 hb Jun, 1976.



(dikeluarkan pada pukul 6.30 petang)





siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

[Faint, illegible text from the main body of the document]

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI



JUN 1976

No. Siri	198
No Penerimaan	14/76